



(Dari kiri) Dominic Tan, Vinie Kandiah (Pengurus Operasi), Navaratnam dan Sukhvinder Singh.

QNet kembangkan operasi ke Sarawak

SAFRI ALI

KUCHING, Khamis – Syarikat jualan langsung antarabangsa QNet (M) Sdn Bhd mengembangkannya ke Sarawak untuk terus mengukuhkan lagi produk-produk yang berkaitan kesihatan keluarannya.

Terletak di Jalan Tun Ahmad Zaidi di Kuching syarikat berkenaan menjadikan pusat pertama di Sarawak itu sebagai pusat logistik untuk penghantaran produk-produknya di Malaysia Timur.

Pengarah Urusan QNet V. Navaratnam berkata, pembukaan cawangan yang pertama di Sarawak itu membuktikan komitmen syarikat untuk mengukuhkan rangkaiannya.

Menurutnya, pihaknya turut yakin dapat menarik lebih ramai ahli-ahli untuk menyertai jualan langsung yang diperkenalkan oleh syarikat itu.

"Kita melihat Sarawak adalah pasaran yang cukup baik untuk QNet. Malah, kita yakin akan mendapat respons yang baik daripada pelanggan melalui produk-produk yang ditawarkan," katanya ketika taklimat kepada pihak media di sini semalam.

Katanya, selain menjadikan pejabat baru itu sebagai logistik di Malaysia Timur ia juga berperanan sebagai pusat untuk memberi penerangan kepada ahli-ahli

dengan lebih cekap dan pantas.

"Ini akan memberi penjimatan kepada ahli-ahli yang mahu mendaftar menyertai syarikat jualan ini,"ujarnya.

Menurutnya lagi, pembukaan operasi di Sarawak akan membolehkan QNet menyediakan kepada ahli-ahlinya Independent Representatives (IRs) yang lebih baik kepada ahli-ahli bawahan.

"Ini akan membolehkan ahli-ahli menjalankan sesi latihan dan perbincangan dengan pelanggan-pelanggan prospektif apabila mahu memperkenalkan peluang perniagaan yang disediakan oleh QNet dan meningkatkan lagi produktiviti produk yang dikeluarkan," ujarnya.

Ditanya berkenaan saingan daripada syarikat-syarikat jualan langsung, katanya, pihaknya melihat persaingan itu adalah sesuatu yang sihat.

"Setiap syarikat jualan langsung adalah kelebihanannya sendiri, begitu juga produk kesihatan yang ditawarkan oleh QNet ia mempunyai kelebihan tersendiri," katanya.

Ditubuhkan pada tahun 1998 QNet telah bertapak sebagai sebuah syarikat jualan langsung antarabangsa yang menyediakan jualan produk-produk yang berkaitan kesihatan. Untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan QNet bolehlah melayari laman web www.qnet.net.my